


# Jurnal Ijame UMP pertama di Asia



Mashitah dan Ketua Editorial Ijame, Prof Dr Md Mustafizur Rahman (kiri) menunjukkan Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (IJAME) dan Jurnal Kejuruteraan Mekanikal dan Sains (JMES) yang membanggakan UMP.

SINAR HARIAN CINA NASIONAL | 11 JULAI 2016 m/s10

**PEKAN** - Jurnal terbitan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (Ijame), mencegalkan kedudukannya sebagai jurnal nombor satu di Asia sejak 2013.

Kedudukan itu berdasarkan pangkalan data saintifik terkemuka, Scopus Database by Elsevier yang juga meletakkan Ijame di tangga ke-10 peratus teratas dunia.

Ia berdasarkan kepada kerapatan artikel yang menjadi rujukan dan indikator impak atau ukuran keberkesanannya ba-

han diterbitkan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Prof Dr Mashitah Mohd Yusoff memuji usaha editorial jurnal yang berusaha mencegalkan pencapaian ini.

Beliau berkata, Ijame adalah satu-satunya jurnal pelbagai disiplin yang berimpak tinggi dalam kategori Kejuruteraan Automotif (enam peratus teratas di dunia) dan kategori Kejuruteraan Mekanikal (lapan peratus teratas di dunia).

"Pasukan editorial yang sama juga berjaya menerbitkan sebuah lagi jurnal UMP

pelbagai disiplin iaitu Jurnal Kejuruteraan Mekanikal & Sains (JMES)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memperkenalkan Jurnal berkenaan di sini, kelmarin.

Jelas Mashitah, jurnal tersebut berada dalam kedudukan 10 peratus teratas kategori Kejuruteraan Tenaga dan Teknologi Bahan Api dan pada kedudukan ke-12 peratus teratas dalam kategori Kejuruteraan Industri dan Pembuatan.

JMES buat pertama kalinya muncul dalam pengkalan data Scopus pada 2015.